

Mat Sabu mahu saman Utusan, dakwa reka cerita konon sokong komunis
The Malaysian Insider
29 Ogos, 2011
Oleh Boo Su-Lyn

KUALA LUMPUR, 29 Ogos — Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu berkata beliau akan menyaman akhbar Utusan Malaysia kerana menyiarkan laporan palsu kononnya beliau menyokong gerakan komunis dalam ucapannya di Pulau Pinang baru-baru ini.

"Utusan berbohong... mereka mereka cerita tentang ucapan saya," kata Mohamad (gambar) kepada The Malaysian Insider hari ini.

"Selepas saya meneliti balik dan mendengar rakaman, perkataan komunis tiada dalam ucapan saya," kata beliau.

Dalam komennya kepada The Malaysian Insider semalam, Mohamad yang dipilih sebagai timbalan presiden Jun lalu mengambil pendirian untuk tidak memberikan sebarang komen berhubung dakwaan akhbar Utusan mengatakan beliau menghina pejuang kemerdekaan dalam satu ceramah di Tasik Gelugor, Pulau Pinang pada 21 Ogos lalu.

Sebaliknya katanya, beliau mahu melihat kembali rakaman video berhubung ceramah itu sebelum memberikan sebarang komen.

"Saya berucap pada 21 Ogos tapi keluar dalam Utusan Malaysia 27 Ogos, saya tidak mahu beri apa-apa komen lagi... saya nak dengar dan lihat balik rakaman video itu dulu.

"Saya tidak mahu nafi atau apa, saya nak tengok balik... saya tak tahu apa yang dilaporkan (dalam Utusan Malaysia) sama ada ia betul atau tidak," katanya.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source:
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mat-sabu-mahu-saman-utusan-dakwa-reka-cerita-konon-sokong-komunis/>